

# Wilayah

MEDIA WARGA KOTA

# Ku

● BIL 78 ● 25 SEPTEMBER - 1 OKTOBER 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) **PERCUMA**

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

## Bar 'rumah hantu' diserbu!

**S**EBUAH bar berdekorasi 'rumah hantu' yang dilengkapi pintu berkod dan kamera litar tertutup digunakan untuk mengawasi pergerakan pihak berkuasa, akhirnya diarah tutup setelah pihak berkuasa menghidu operasi mereka selepas menjalankan kerja-kerja intipan selama seminggu.

**BERSAMBUNG DI MUKA 2**



Bangga dengan barangan  
**buatan  
Malaysia**



➤➤➤ 16

**MyResidensi@Wilayah**  
kediaman warga kota



➤➤➤ 9,10,11

**Ramlan Askolani**  
kini 'lincah'  
bantu rakyat



➤➤➤ 17



# Deretan bangunan lama sembunyi bar 'rumah hantu'

Oleh AZLAN ZAMBRY [azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com) Foto KOLEKSI DBKL



SIAPA sangka bangunan lama ini menyembunyikan aktiviti hiburan malam tanpa lesen.

**R**ISIKAN yang dilakukan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam masa seminggu berjaya menemukan empat buah bar 'tersembunyi' yang terletak di Jalan Sultan berhampiran Jalan Petaling.

Ada antara bar ini dihias dengan dekorasi seperti kelab eksklusif, dan bukan hanya menyediakan minuman keras, sebuah band muzik turut disediakan untuk menghiburkan pengunjung. Sebuah lagi bar, dihias ala rumah hantu dengan beberapa patung hantu dan rangka manusia tiruan digantung untuk tarikan pelanggan.

Kesemua bar tersebut terletak di tingkat satu sebuah bangunan perniagaan, premis itu juga diperincikan dengan pintu berkod keselamatan tinggi dan



OSMAN

difahamkan hanya menyasarkan pelanggan tetap dan individu tertentu yang tahu kewujudannya.

Bagaimanapun, taktik pengusaha itu dapat dihidu Jabatan Penguatkuasa DBKL apabila kegiatan mereka berjaya dikesan dan serbuan dilakukan di empat premis berasingan baru-baru ini. Operasi Tegas Banteras Aktiviti Haram (TEBAH) diketuai DBKL itu dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi).

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL, **Osman Ismail** berkata, operasi yang bermula pukul 10 malam hingga 1 pagi, membabitkan kekuatan 175 pegawai dan anggota.

"Ramai yang tak

tahu kewujudan bar kerana kedudukan yang tersorok. Tetapi berdasarkan maklumat awam, kita telah melakukan risikan dan menyerbu premis berkenaan.

"Kita mengesan ada empat bar tersembunyi dan pemeriksaan mendapati kesemua premis berkenaan beroperasi tanpa lesen perniagaan dan lesen hiburan," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi.

Beliau berkata, terdapat pengusaha bar yang menyediakan rumah tumpangan tanpa lesen di bangunan yang sama selain mengubah suai bangunan tanpa kelulusan DBKL.

"Kami telah mengarahkan pengusaha terbabit menghentikan operasi ru-

mah tumpangan berkenaan dan meminta penghuni mengosongkan premis dalam tempoh 24 jam sebelum tindakan sita diambil," katanya.

Dalam pada itu, Osman berkata, polis turut mengambil tindakan terhadap 61 individu yang terdiri daripada 52 warga tempatan dan sembilan warga asing mengikut Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Kesemua mereka ditahan dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi untuk siasatan lanjut. Jika didapati melanggar Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) akan dikenakan kompaun RM1,000 setiap seorang," katanya.

Tegasnya lagi, DBKL akan meneruskan operasi itu dari semasa ke semasa dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati menjalankan aktiviti haram. **W.K.**



RAK abu mayat turut digunakan sebagai hiasan bar.



RANGKA manusia tiruan digantung sebagai hiasan.



ANGGOTA AADK sedang menjalankan ujian saringan air kencing.



PEGAWAI dan anggota dari empat agensi menjalankan serbuan ke atas bar sebelum menyita premis berkenaan.



# 219 ditahan salah guna dadah sepanjang tahun ini

SERAMAI 219 orang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dalam tempoh sembilan bulan tahun ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, **Datuk Saiful Azly Kamarudin** berkata, jumlah tangkapan itu

meningkat dengan mendadak berbanding 2019 kerana pihaknya menjalankan operasi bersepadu membanteras penyalahgunaan dadah bermula Januari lalu.

“Sepanjang tahun lalu, seramai 82 orang telah ditangkap

mengikut pelbagai Seksyen termasuk Seksyen 39, Seksyen 12 dan Seksyen 15 ADB.

“Kebanyakan yang ditangkap adalah pengedar dan penagih yang berusia lingkungan 40 tahun dan ke bawah,” katanya.

Beliau berkata kepada pem-

berita pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Program *We Love, We Serve, We Hope* anjuran bersama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gombak Setia.

Jelas Saiful Azly, tiga PPR iaitu PPR Gombak Setia, PPR Kampung Baru Ayer Panas dan PPR Sungai Bonus mempunyai 20,416 penduduk dengan 995 daripadanya atau 4.87 peratus terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

“Melalui tangkapan dan risikan di ketiga-tiga kawasan tersebut, kita mendapati tiga jenis dadah yang sering diambil adalah heroin, syabu dan ganja. Ini kerana, bekalan seperti itu mampu dimiliki golongan berpendapatan rendah.

“Jadi dengan kerjasama pihak Jabatan Narkotik Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kuala Lum-

pur dan Jabatan Narkotik Bukit Aman, kami telah menggerakkan operasi-operasi yang lebih agresif dan efektif sehingga menyebabkan tangkapan yang direkodkan meningkat dengan mendadak,” katanya.

Terdahulu, program inisiatif bersepadu bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah, substans dan pelencongan sosial secara kolaboratif yang membabitkan tiga kawasan iaitu, PPR Gombak Setia, PPR Kampung Baru Ayer Panas dan PPR Sungai Bonus itu dilancarkan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Santhara**.

Santhara turut menzahirkan rasa sedih kerana jumlah kes penyalahgunaan dadah meningkat sehingga 60 hingga 70 peratus dan membabitkan kalangan belia terutama di Kuala Lumpur.

“Kita seharusnya memantau dan memastikan cara-cara yang berkesan untuk mengurangkan kes berkaitan dadah di Kuala Lumpur khususnya di kawasan PPR,” tegasnya. **W.K**



SANTHARA (dua kanan) melihat pameran pada Program We Love, We Serve, We Hope baru-baru ini.

# 2,378 individu dikompaun langgar PKPP

SERAMAI 2,378 individu dikenakan kompaun oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana terbabit dalam aktiviti membabitkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal di pub dan kelab malam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner **Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid** berkata, sepanjang tempoh PKPP, pihaknya telah membuat serbuan ke atas 131 premis.

“Serbuan diketuai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana maklumat mengenai aktiviti hiburan yang melanggar syarat PKP diperolehi daripada mereka.

“Dalam serbuan tersebut, pihak polis menjalankan pemeriksaan kepada semua pengunjung dari aspek jenayah selain membantu pihak DBKL menjalankan pemeriksaan terhadap penja-

ga premis terbabit kerana menjalankan perniagaan hiburan secara haram.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 4(1) Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” katanya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Selasa.

Menurut Nik Ros Azhan, beberapa warga asing juga ditahan dan disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63.

Beliau berkata, sepanjang tempoh PKP Pemulihan yang bermula Julai lalu pula, pihak-

nya telah menjalankan 91 serbuan dan pemeriksaan terhadap 873 pub dan kelab malam di sekitar ibu kota.

“Melalui operasi tersebut, seramai 637 tangkapan dibuat dan 1,431 individu telah dikompaun,” katanya.

Nik Ros Azhan berkata, operasi yang dilakukan bersama

DBKL itu bertujuan untuk membolehkan tindakan lebih tegas diambil terhadap pemilik premis.

“Polis hanya boleh mengeluarkan kompaun kepada pemilik



NIK ROS AZHAN

## LAPORAN OP PUSAT HIBURAN

1 Mac - 20 September 2020

Serbuan Berjaya: 131  
Pemeriksaan Premis: 873  
Tangkapan: 644  
Kompaun yang dikeluarkan (OKK): 2,378

15 Julai - 20 September 2020

Serbuan Berjaya: 91  
Pemeriksaan Premis: 366  
Tangkapan: 637  
Kompaun yang dikeluarkan (OKK): 1,431

**JUMLAH kompaun yang dikeluarkan kepada individu yang melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) dari 1 hingga 22 September 2020**

- 1 September - 39
- 2 September - 198
- 3 September - 48
- 4 September - 46
- 5 September - 131
- 6 September - 873
- 7 September - 96
- 8 September - 221
- 9 September - (tiada maklumat)
- 10 September - 312
- 11 September - 84
- 12 September - 294
- 13 September - 763
- 14 September - 132
- 15 September - 66
- 16 September - 584
- 17 September - 101
- 18 September - 93
- 19 September - 552
- 20 September - 293
- 21 September - 136
- 22 September - 65

Sumber: Menteri Kanan Pertahanan (Kluster Keselamatan) **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**